MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Sistem kewangan dalam negeri kekal berdaya tahan

Sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan meskipun terdapat ketidaktentuan global berikutan penyesuaian dasar dalam kalangan ekonomi utama. Di dalam negara, permodalan sistem perbankan kekal kukuh untuk menjalankan fungsi pengantaraan, dengan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan perniagaan dan isi rumah. Memandangkan perniagaan dan isi rumah terus membuat penyesuaian terhadap prospek ekonomi yang mencabar dan kos sara hidup yang semakin meningkat, penampan kewangan ini akan menyokong daya tahan institusi kewangan. Pada masa hadapan, peristiwa luaran akan terus memberikan banyak tekanan terhadap turun naik pasaran kewangan domestik. Ini termasuk ketidaktentuan yang semakin meningkat dalam perkembangan politik dan pertumbuhan ekonomi utama serta harga komoditi yang tidak menentu. Namun, kestabilan sistem kewangan domestik dijangka terpelihara memandangkan keupayaan institusi kewangan untuk menampung kerugian disokong oleh penampan modal dan mudah tunai yang kukuh.

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur

Ketidaktentuan global yang berpunca daripada keputusan pilihan raya presiden AS, masa dan kekerapan kadar faedah Federal Reserve AS dikembalikan ke paras wajar serta turun naik yang berterusan dalam pasaran komoditi banyak mempengaruhi sentimen dan tingkah laku pelabur sepanjang suku keempat, terutamanya pada bulan November. Walau bagaimanapun, turun naik purata pasaran kewangan domestik berkurang pada suku terakhir, meskipun terdapat sedikit kenaikan dalam Indeks Tekanan Pasaran Kewangan. Walau bagaimanapun, dalam pasaran MGS, turun naik purata kadar hasil MGS 10 tahun meningkat sedikit (S4 2016: 14.0%; S3 2016: 10.3%) berikutan penentuan semula harga kadar hasil bon kerajaan selepas pilihan raya presiden AS.

Pelaburan portfolio mencatat kedudukan aliran keluar bersih sebanyak RM22.3 bilion (S3 2016: aliran keluar bersih sebanyak RM10.6 bilion), didorong terutamanya oleh aliran keluar bukan pemastautin daripada pasaran bon. Ini mengurangkan pemegangan bukan pemastautin kepada 32.1% (S3 2016: 35.4%) daripada jumlah MGS dan GII terkumpul pada akhir tahun, dengan kira-kira 63% (S3 2016: 58%) daripada pemegangan ini akan matang dalam tempoh 5 tahun akan datang. Kadar hasil MGS 3, 5 dan 10 tahun masing-masing meningkat kepada 3.50%, 3.70% dan 4.23% (S3 2016: masing-masing 2.88%, 3.24% dan 3.55%) berikutan kadar hasil bon global yang lebih tinggi. FBM KLCI mengakhiri suku itu lebih rendah pada 1641.73 mata (S3 2016: 1652.55 mata), dengan pemegangan bukan pemastautin turun sedikit kepada 22.3% (S3 2016: 22.8%) daripada jumlah permodalan pasaran.

Mudah tunai dagangan dalam pasaran secara amnya mampan dengan nisbah urus niaga bulanan MGS turun sedikit kepada 11.8% (S3 2016: 12.4%), manakala nisbah urus niaga pasaran ekuiti bagi FBM KLCI meningkat sedikit kepada 1.9% (S3 2016: 1.7%). Spread

Pasaran Kewangan: Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)

Darjah tekanan, % (Berlapis, Minimum=0, Maksimum=100)



Nota:
1. FMSI ialah alat pemantauan risiko pasaran kewangan yang berdasarkan Penunjuk Komposit Indeks Tekanan European Central Bank (ECB). Indeks ini dibina dari penunjuk turun naik dalam lima komponen pasaran kewangan domestik - bon, wang, ekuiti, pertukaran asing, dan institusi kewangan.
2. Tahap indeks pada tarikh tertentu dinyatakan sebagai nilai antara 0 hingga 100, menandakan tahap tekanan yang paling rendah ke paling tinggi.

Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

bida-tawar tidak berubah pada 0.4% daripada harga pertengahan bagi FBM KLCI tetapi meningkat sedikit kepada 0.2% daripada harga pertengahan bagi MGS.

Dalam pasaran mata wang, penetapan harga ringgit dalam pasaran dalam negeri dipengaruhi oleh kesan daripada kegiatan spekulasi dalam pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (NDF) ringgit luar pesisir. Pelarasan ringgit menjadi lebih ketara selepas pilihan raya presiden AS, dengan ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 5.9% kepada RM4.4680 menjelang 1 Disember 2016. Pada S4 2016, spread swap asas mata wang bersilang 5 tahun meningkat kepada 68 mata asas (S3 2016: 55 mata asas), manakala spread swap mungkir kredit kerajaan 5 tahun meningkat kepada 137.5 mata asas (S3 2016: 122.4 mata asas). Pada bulan November 2016, Bank Negara Malaysia memperkukuh peraturan sedia yang tidak mengiktiraf pasaran NDF ringgit bagi membendung kesan limpahan dari pasaran luar pesisir ke dalam pasaran pertukaran asing (FX) domestik. Selain itu, beberapa langkah telah diperkenalkan pada 2 Disember 2016 untuk menstabilkan keadaan dalam pasaran kewangan. Ini termasuk langkah-langkah untuk menggalakkan pasaran lindung nilai dalam negeri dan menambah baik kedalaman dan mudah tunai pasaran FX domestik. Walaupun langkah-langkah ini akan mengambil masa untuk menghasilkan kesan yang dikehendaki, turun naik purata dalam pasaran ringgit dalam negeri telah reda (November 2016, Disember 2016 dan Januari 2017: masing-masing 7.5%, 6.4% dan 5.4%). Ringgit terus menyusut nilai sebanyak 0.4% untuk mengakhiri suku itu pada RM4.4860 bagi setiap dolar AS (S3 2016: RM4.1455). Spread swap asas mata wang bersilang 5 tahun dan swap mungkir kredit kerajaan masing-masing susut kepada 58 mata asas dan 131 mata asas pada akhir bulan Januari 2017.

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dedahan risiko kredit kekal terurus dalam keadaan keupayaan membayar balik hutang yang berterusan

Dedahan risiko kredit dan kualiti aset institusi kewangan kekal utuh, disokong oleh keupayaan membayar balik hutang yang berterusan melalui peminjam. Delinkuensi pinjaman, yang diukur melalui pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan, kekal stabil pada 2.1% daripada jumlah pinjaman bank. Nisbah pinjaman terjejas, yang bersih daripada peruntukan jejas nilai individu, bertambah baik kepada 1.2% daripada pinjaman bersih. Nisbah perlindungan kerugian pinjaman bank[3] kekal lebih daripada mencukupi pada kira-kira 90.2% (S3 2016: 89.4%). Selain itu, bank juga telah memperuntukkan rizab pengawalseliaan sebagai penampan terhadap kemungkinan kerugian kredit bagi pinjaman dan portfolio pembiayaan. Dedahan kredit bagi industri insurans dan takaful sebahagian besarnya tidak berubah pada 4.1% (S3 2016: 4%) daripada jumlah modal tersedia.

Hutang isi rumah terus berkembang dengan lebih sederhana pada asas tahunan pada 5.4% (S3 2016: +5.8%; S4 2015: +7.3%) pada

[3] Merujuk kepada nisbah peruntukan jejas nilai individu dan kolektif kepada jumlah pinjaman terjejas

suku terakhir 2016. Pembiayaan perumahan, yang meningkat 9.1% (S3 2016: +9.6%), terus menjadi penyebab utama peningkatan hutang isi rumah dalam keadaan permintaan yang berterusan terhadap rumah mampu milik. Peningkatan tahunan bagi pembiayaan terkumpul untuk kegunaan peribadi naik 4.8% (S3 2016: +5%). Keupayaan membayar balik hutang oleh isi rumah terus disokong secara amnya oleh pendapatan dan keadaan guna tenaga yang stabil, berserta dengan pengukuhan penilaian kemampuan oleh pemberi pinjaman. Kira-kira 74% daripada peminjam dengan pinjaman yang baru diluluskan mempunyai nisbah khidmat bayaran hutang (dikira berdasarkan pendapatan selepas ditolak potongan wajib) yang kurang daripada 60%. Bahagian jumlah hutang isi rumah yang ditanggung oleh peminjam yang mudah terjejas[4] terus menurun kepada 22.2% (2015: 22.8%; 2014: 24.3%) daripada jumlah pinjaman bank dan bukan bank kepada isi rumah. Bagi bank, bahagiannya lebih rendah pada 19.1% (2015: 19.6%; 2014: 20.9%).

Kualiti keseluruhan pemberian pinjaman kepada isi rumah oleh bank dan bukan bank secara amnya mampan. Nisbah pinjaman terjejas agregat dan pinjaman delinkuen agregat kekal tidak berubah masing-masing pada 1.6% dan 1.5%. Paras pinjaman terjejas untuk kegunaan peribadi, bagaimanapun, meningkat tetapi kekal rendah dan stabil pada 2% (S3 2016: 2%) daripada jumlah pembiayaan peribadi. Delinkuensi yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh masalah kewangan yang dihadapi oleh peminjam yang terjejas oleh pendapatan boleh ubah yang lebih rendah dan pemberhentian pekerja oleh firma tertentu. Namun, potensi risiko terhadap kestabilan kewangan dalam negeri, terutamanya daripada peminjam mudah terjejas, kekal terkawal dalam keadaan penampan modal berlebihan bank yang lebih daripada mencukupi.

Keadaan kredit kekal kondusif dengan bukti terhad bahawa pemberian pembiayaan kepada perniagaan secara keseluruhan semakin ketat. Jumlah peminjaman meningkat 6.2% (S3 2016: +6%) pada asas tahunan pada suku keempat 2016. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh dana yang diperoleh daripada pasaran bon dan sukuk (+RM25 bilion atau +7.3%) dan peminjaman luar negeri (+RM15.5 bilion atau +5.2%). Pembiayaan bank terkumpul kepada perniagaan berkembang 4.9% (S3 2016: + 2%) didorong oleh pengeluaran lebih tinggi kepada sektor pengangkutan, harta tanah dan perkilangan. Pembiayaan kepada PKS juga mengekalkan pertumbuhan kukuh sebanyak +9.2% (S3 2016: +8.5%).

Kedudukan kewangan syarikat kekal utuh walaupun persekitaran perniagaan lebih mencabar. Agregat leveraj perniagaan Malaysia[5], seperti diukur oleh nisbah median hutang kepada ekuiti meningkat sedikit kepada 44.2% (S2 2016: 42.8%) pada akhir suku ketiga 2016. Ini disokong oleh keupayaan membayar balik hutang dan kedudukan mudah tunai yang memuaskan. Median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) kekal melebihi nilai ambang kehematan sebanyak dua kali, meskipun menjadi sederhana kepada 4.1 kali (S2 2016: 5.5 kali). Pengurangan ini didorong oleh keuntungan firma yang lebih rendah dalam industri pembuatan makanan dan minuman serta automotif. Secara keseluruhan, firma terus mengekalkan penampan mudah tunai yang mencukupi untuk memenuhi obligasi jangka pendek - nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (cash-to-short-term debt ratio, CASTD) kekal stabil pada 1.1 kali. Seperti yang dijangka, jejas nilai dan delinkuensi yang lebih tinggi dicatat oleh sektor minyak dan gas (O&G), pengangkutan air, borong dan runcit serta infrastruktur. Secara keseluruhan, nisbah pinjaman terjejas kekal rendah pada 2.4% (S3 2016: 2.7%), manakala nisbah pinjaman delinkuen meningkat sedikit kepada 0.4% (S3 2016: 0.3%) daripada jumlah pinjaman bank kepada isi rumah.

Prospek sektor O&G dan automotif kekal lemah berikutan jangkaan bahawa paras harga minyak mentah dunia akan terus

[4] Didefinisikan sebagai peminjam dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM3,000
[5] Berdasarkan 160 syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak 80% (tidak termasuk institusi kewangan) meliputi 10 sektor ekonomi utama.

rendah dan perbelanjaan pengguna yang lembab. Median ICR keseluruhan sektor O&G kekal pada 1.2 kali pada S3 2016 manakala CASTD menurun kepada 0.7 kali (S2 2016: 0.9 kali). Keupayaan membayar balik hutang dan kedudukan mudah tunai industri automotif juga lemah, dengan ICR dan CASTD masing-masing pada 4.4 kali dan 1.1 kali (S2 2016: masing-masing 9.3 kali dan 1.5 kali). Nisbah pinjaman terjejas dan delinkuensi sektor O&G adalah lebih tinggi masing-masing pada 4.1% dan 0.32% (S3 2016: masing-masing 1.8% dan 0.01%). Dalam industri automotif, pinjaman terjejas dan pinjaman delinkuen kekal rendah dan agak stabil pada 0.4% dan 0.01% daripada jumlah pinjaman bank kepada perniagaan. Dari segi penumpuan risiko, dedahan bank kepada sektor berkaitan O&G dan automotif kekal kecil masing-masing pada 3.1% dan 0.8% daripada jumlah dedahan kepada perniagaan. Bank secara beransur-ansur telah meningkatkan paras peruntukan dan rizab pengawalseliaan bagi jejas nilai kolektif sejak tahun 2015 untuk mengukuhkan penampan bagi kemungkinan berlakunya kerugian.

Pertumbuhan tahunan purata bagi Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) bagi sembilan bulan pertama 2016 lebih rendah pada 6.4% berbanding dengan purata 9.5% antara tahun 2010 hingga 2015. Pasaran perumahan primer dan sekunder kekal lembab di seluruh negeri utama dan jenis rumah dalam keadaan sentimen pengguna yang berhati-hati. Berlatarkan perkembangan ini, urus niaga perumahan dari segi jumlah dan nilai masing-masing menurun 13.9% kepada 49,640 unit (S2 2016: -12.5% kepada 52,487 unit) dan 12% kepada RM15.6 bilion (S2 2016: -9.7% kepada RM16.7 bilion). Walau bagaimanapun, permintaan terhadap rumah mampu milik kekal kukuh, disokong oleh kadar kelulusan yang stabil. Kegiatan spekulasi dalam pasaran perumahan adalah lembab kerana pertambahan jumlah peminjam dengan tiga atau lebih pinjaman perumahan terkumpul kekal rendah dan stabil pada 1.4% (S3 2016: +1.6%).

Dedahan risiko pasaran disokong oleh pengurusan risiko dan strategi perlindungan nilai

Dedahan bank kepada risiko pasaran kebanyakannya dalam bentuk risiko FX. Pada akhir bulan Disember, kedudukan terbuka bersih FX bank menurun kepada 6.2% (S3 2016: 6.7%) daripada jumlah modal, memandangkan bank terus menguruskan dedahan FX secara aktif dalam keadaan turun naik ringgit. Dedahan kepada risiko kadar faedah dalam akaun dagangan dan risiko ekuiti kekal rendah, masing-masing mencakupi 1.1% dan 0.8% daripada jumlah modal (S3 2016: masing-masing 1.2% dan 1.0%). Bagi industri insurans dan takaful, dedahan risiko pasaran lebih rendah pada 13.3% (S3 2016: 14.4%) daripada jumlah modal tersedia, didorong oleh risiko kadar faedah yang bertambah baik. Risiko ekuiti yang membentuk sebahagian besar daripada dedahan risiko pasaran bagi syarikat insurans, meningkat sedikit kepada 7.7% (S3 2016: 7.6%) daripada jumlah modal tersedia.

Institusi kewangan terus kukuh dan berdaya tahan

Permodalan institusi kewangan kekal kukuh. Penampan modal yang digabungkan bagi bank, syarikat insurans dan pengendali takaful berjumlah RM172.5 bilion. Bank mengekalkan tahap dan kualiti permodalan yang tinggi. Hal ini dicerminkan dalam nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1, nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal bank yang tinggi, masing-masing pada 13.1%, 14.0% dan 16.5% (S3 2016: masing-masing 13.3%, 14.2% dan 16.7%). Nisbah kecukupan modal bagi sektor insurans dan takaful juga kekal tinggi pada 243.8% (S3 2016: 226.3%).

Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan berjumlah RM7.7 bilion pada suku keempat (S3 2016: RM7.9 bilion), dengan pertumbuhan pendapatan berasaskan fi sebahagiannya mengimbangi penurunan pendapatan dividen

daripada syarikat subsidiari serta aktiviti perdagangan dan pelaburan. Sungguhpun begitu, margin pembiayaan (termasuk faedah) selepas ditolak kos operasi dan peruntukan kerugian bertambah baik kepada 0.6 mata peratusan (S3 2016: 0.58 mata peratusan).

Dalam sektor insurans dan takaful, syarikat insurans am dan pengendali takaful mencatat keuntungan operasi yang lebih tinggi sebanyak RM891.4 juta pada suku keempat 2016 (S3 2016: RM885.4 juta), hasil daripada pendapatan pelaburan yang lebih tinggi. Tidak seperti suku sebelumnya iaitu apabila penilaian yang lebih tinggi dalam pasaran bon memberikan manfaat kepada penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga, keadaan ini berbeza pada suku keempat disebabkan oleh peningkatan dalam kadar hasil bon. Ini menjelaskan sebab bagi penurunan lebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan yang ketara kepada RM0.7 bilion (S3 2016: RM5.3 bilion).

Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan. Jumlah penempatan sistem perbankan, repo berbalik dan rizab berkanun dengan Bank Negara Malaysia yang boleh dilupuskan untuk memenuhi keperluan mudah tunai ialah RM179.9 bilion. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)[6] Basel III sistem perbankan ialah 124.8% pada akhir bulan Disember 2016, jauh melebihi keperluan semasa peralihan minimum pengawalseliaan sebanyak 70% (S3 2016: 127.0%). Kira-kira 80% daripada bank mencatat paras LCR melebihi 100%.

Keadaan pendanaan domestik kekal stabil pada suku keempat. Kos deposit purata bagi bank dan KLIBOR 3 bulan masing-masing stabil pada 2.6% dan 3.4%. Struktur pendanaan bank kekal stabil dan kebanyakannya berasaskan deposit (69.4% daripada jumlah pendanaan) dan dalam mata wang tempatan. Secara agregat, deposit sistem perbankan mencatat pertumbuhan positif

Sistem Perbankan: Permodalan Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

[6] LCR Basel III dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2017, keperluan minimum telah ditetapkan pada 80%.

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2015		2016		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM juta				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	5,257	12,020	5,348	651	13,253
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	679	2,698	885	891	3,406
Nisbah tuntutan (%)	60.6	60.2	56.4	56.9	56.0
	Perubahan tahunan (%)				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	148.2	-12.6	1,382.0	-87.6	10.3
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	-10.6	-15.1	59.3	31.2	26.3
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	1.1	2.7	-9.1	-3.7	-4.2

Sumber: Bank Negara Malaysia

sebanyak 1.5% (S3 2016: 0.8%). Deposit isi rumah terus berkembang pada kadar 5.1% (S3 2016: +4.6%), lantas mengimbangi penurunan dalam deposit daripada perniagaan (S4 2016: -2.3%; S3 2016: -4.7%).

Meskipun sebahagian besar daripada pendanaan bank kekal dalam bentuk deposit, bank terus mempelbagaikan struktur pendanaan mereka melalui terbitan instrumen pendanaan jangka sederhana dalam ringgit dan mata wang asing. Jumlah terbitan bersih sekuriti hutang pada S4 2016 berjumlah RM4.8 bilion (S3 2016: RM 0.3 bilion). Hal ini menyumbang ke arah pengurangan ketidakpadanan kematangan dan mata wang dalam struktur pendanaan bank. Dengan mengambil kira struktur pendanaan yang lebih luas, nisbah pinjaman kepada dana[7] (loan-to-funds, LTF) ialah 84.3% (S3 2016: 83.4%) pada akhir suku keempat 2016.

Liabiliti luaran bersih bank-bank Malaysia berjumlah RM157 bilion (S2 2016: RM146 bilion) pada akhir S3 2016, dalam keadaan amalan pengurusan mudah tunai berpusat yang berterusan dalam kalangan bank-bank Malaysia yang mempunyai entiti luar negeri yang berkaitan. Beberapa bank asing lebih kecil yang

Sistem Perbankan: Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

diperbadankan di Malaysia (locally incorporated foreign bank, LIFB) secara beransur-ansur mengurangkan penempatan antara kumpulan dengan bank induk luar negeri untuk mematuhi keperluan Had ke Atas Dedahan Kepada Sesuatu Rakan Niaga[8] (Single Counterparty Limit, SCEL) yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2017. Keperluan SCEL terhadap dedahan dengan entiti perbankan berkaitan mempunyai tempoh peralihan selama dua tahun untuk membolehkan pelarasan secara beransur-ansur dan mengurangkan kesan terhadap operasi LIFB. Sungguhpun begitu, struktur dedahan luaran sistem perbankan Malaysia sebahagian besarnya tidak berubah.

[7] Dana terdiri daripada deposit dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/ sukuk yang diterbitkan, kertas perdagangan dan nota berstruktur).

[8] Keperluan SCEL mengehadkan dedahan institusi kewangan kepada sesuatu rakan niaga yang merupakan entiti perbankan yang berkaitan kepada 50% daripada jumlah modal institusi perbankan (tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu daripada Bank Negara Malaysia).